



Kerajaan tidak berhasrat naikkan cukai - PM

Jun 18, 2023 @ 2:27pm

KOTA BHARU: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan beliau tidak berhasrat menaikkan apa-apa cukai yang menyentuh kedudukan rakyat berpendapatan rendah.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, penjawat awam perlu membantu memberi penjelasan kepada rakyat mengenai dasar yang dilaksanakan kerajaan.

"Penjawat awam juga, terutama badan penguatkuasa perlu memberi tumpuan kepada usaha bendung ketirisan barangan bersubsidi," katanya. - BERNAMA